

SURAH PENGUSIRAN



Surah: 59 Juzuk: 28 Bil. Ayat: 24

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Segala yang ada di langit dan di bumi bertasbih kepada Allah. Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.
2. Dialah yang telah mengeluarkan orang kafir di kalangan Ahli Kitab dari kampung mereka pada saat pengusiran yang pertama. Kamu (wahai umat Islam) tidak menyangka bahawa mereka akan keluar, dan mereka pula menyangka bahawa benteng mereka akan dapat menyekat serta memberi perlindungan kepada mereka (daripada azab) Allah. Maka Allah menimpakan (azabNya) kepada mereka dari arah yang tidak disangka-sangka, dan Allah menanam perasaan takut ke dalam hati mereka, (lalu) mereka membinasakan rumah mereka dengan tangan mereka sendiri dan tangan orang yang beriman (yang mengepung mereka dari luar). Maka ambillah pengajaran (daripada peristiwa itu) wahai orang yang mempunyai pandangan (berakal fikiran).
3. Dan jika tidak kerana Allah telah menetapkan pengusiran

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

سَبِّحْ لِلّٰهِ مَا فِي السَّمَاوٰتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
وَهُوَ أَعْزٰزٌ لِكَيْمٌ ﴿١﴾

هُوَ الَّذِي أَخْرَجَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ
مِن دِيْنِهِمْ لَا يُؤْلِمُ الْحُشْرَ مَا أَطْنَبْنَاهُمْ أَن يَخْرُجُوا
وَظَنُوا أَنَّهُمْ مَانِعُوهُمْ حُصُونُهُمْ مِنَ اللّٰهِ
فَأَنْتُمُ الْمُلَّا مِنْ حَيَّٰتٍ لَوْلَا يَحْسِبُوْا وَقَدَّ
فِي قُوْلِهِمْ أَرْبَعَ يَخْرِجُوْنَ بِوَقْتٍ يَأْتِيهِمْ
وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَأَعْتَرُوْنَ أَيْدِي الْأَبْصَرِ ﴿٢﴾

وَلَوْلَا أَن كَتَبَ اللّٰهُ عَلَيْهِمْ أَلْحَاظَةً لَعَذَابَهُمْ

terhadap mereka, pasti Dia mengazab mereka di dunia dan di hari akhirat pula mereka akan mendapat azab neraka.

4. Itu disebabkan mereka menentang (perintah) Allah dan rasulNya. Dan sesiapa yang menentang Allah, maka sesungguhnya Allah sangat dahsyat azabNya.
5. Apa-apa jua pohon kurma (kepunyaan musuh) yang kamu tebang atau kamu biarkan tegak berdiri seperti keadaannya yang asal,⁽¹⁾ maka yang demikian adalah dengan izin Allah dan kerana Dia hendak menimpakan kehinaan kepada orang yang fasiq.
6. Dan harta rampasan fai'⁽²⁾ yang Allah berikan kepada rasulNya, kamu tidak memerlukan kuda atau unta (untuk mengalahkan mereka), tetapi Allah memberikan kekuasaan kepada para rasulNya untuk mengalahkan sesiapa yang dikehendakiNya. Allah Maha Berkuasa atas setiap sesuatu.
7. Harta rampasan fai' yang Allah berikan kepada RasulNya (Muhammad) daripada harta penduduk beberapa negeri adalah

فِي الْدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ أَنَّارٌ

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ سَاهُرُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَمَنْ يُسَافِقُ
الَّهَ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

مَا قَطَعْتُمْ مِنْ لِيَتَهُ أَوْ تَرَكْتُمُوهَا قَائِمَةً
عَلَىٰ أُصُولِهَا فَإِذَا دَنَ الْلَّهُ وَلِيُخْرِي الْفَتِيسِينَ

وَمَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا
أَرْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ وَلَكُنْ
الَّهُ يُسْأَطِرُ رُسُلَهُ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ وَلَهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْفَرْقَانِ فَلَهُ
وَلِرَسُولِهِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمُسْكِنِينَ
وَأَئِنَّ الْسَّيِّلَ كَيْ لَا يَكُونَ دُوَلَةً بَيْنَ

- 1 Pohon kurma itu milik musuh, menurut kepentingan dan siasah (politik) perang ianya boleh ditebang atau dibiarakan tumbuh.
- 2 Fai' ialah harta rampasan yang diperolehi daripada musuh tanpa terjadinya pertempuran. Pembahagiannya berlainan daripada pembahagian ghanimah. Ghanimah ialah harta rampasan melalui peperangan. Pembahagian Fai' sebagaimana yang tersebut pada ayat 7. Manakala pembahagian ghanimah tersebut pada surah al-Anfal ayat 41.

untuk Allah, Rasul, kaum kerabat (Rasul), anak-anak yatim dan orang miskin, serta ibnu sabil⁽¹⁾, agar harta itu tidak hanya beredar di antara orang kaya di kalangan kamu. Apa yang diberikan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah, dan apa jua yang dia larang kamu melakukannya maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya azab Allah itu sangat dahsyat.

8. (Pemberian itu hendaklah diberikan) kepada orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir dari kampung halamannya dan harta-bendanya kerana mencari kurniaan Allah dan keredaanNya, serta menolong Allah dan rasulNya. Mereka itulah orang yang benar.
9. Dan orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mereka menyayangi orang yang berhijrah (Muhibbin) ke negeri mereka, dan tiada dalam hati mereka keinginan terhadap apa yang telah diberikan kepada orang Muhibbin itu malah mereka juga mengutamakan orang Muhibbin lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan serba kekurangan. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga

الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَيْتُكُمُ الرَّسُولُ
فَلَا خُدُودَ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَاتَّهُوا وَلَا تَقُولُوْا
إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١﴾

لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِيْرِهِمْ
وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنْ اللَّهِ وَرِضْوَانًا
وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أَوْ لَيْكَ هُمْ
الصَّابِدُونَ ﴿٨﴾

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُ الدَّارَ وَالْأَيْمَنَ مِنْ قِبْلِهِمْ
يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَحِدُّونَ فِي
صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَلَا يُؤْثِرُونَ عَلَىَّ
أَنْفُسِهِمْ وَلَا كَانَ بِهِمْ حَسَاصَةٌ وَمَنْ يُوقَ
شُّحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٩﴾

1 Ibnu sabil bermaksud orang yang bermusafir atau orang yang dalam perjalanan.

serta memelihara dirinya daripada sifat bakhil, maka mereka itulah orang yang berjaya.

10. Dan orang (Islam) yang datang setelah mereka (berdoa dengan) berkata: «Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara mara kami yang telah beriman sebelum kami, dan janganlah Engkaujadikan dalam hati kami perasaan dengki dan dendam terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Maha Belas Kasihan lagi Maha Mengasihani».
11. Tidakkah engkau perhatikan sikap orang munafik itu? Mereka tergamac Berkata kepada saudara mara mereka yang kafir di kalangan Ahli Kitab: «Sesungguhnya, jika kamu diusir kami akan keluar bersama-sama kamu, dan kami tidak akan tunduk kepada sesiapapun untuk menentang kamu selama-lamanya. Dan jika kamu diperangi, pasti kami akan menolong kamu!» Sedangkan Allah menyaksikan sesungguhnya mereka adalah pendusta.
12. Sesungguhnya jika mereka (Yahudi) itu diusir(dari Madinah), mereka (yang munafik) ini tidak akan keluar bersama-sama mereka dan sesungguhnya jika mereka (Yahudi) itu diperangi,

وَالَّذِينَ جَاءُوكُمْ مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا
أَغْفِرْلَنَا وَإِلَيْهِ حُوِّنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا
بِالْإِيمَانِ وَلَا يَجْعَلْ فِي قُوَّتِنَا غَلَّا لِلَّذِينَ
ءَامَنُوا بِرَبِّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّجِيمٌ ﴿١١﴾

* الَّرَّحْمَةُ لِلَّذِينَ تَأْفَقُوا يَقُولُونَ
لِإِخْرَاجِهِمُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ
لِئَنْ أُخْرِجُهُمْ أَنْتَ خَرْجَنَ مَعَكُمْ وَلَا أُطْبِعَ
فِيهِمْ أَحَدًا إِنَّمَا أُنْهَا فِي قُوتِلْمُمْ لَنَصْرِنَّكُمْ
وَاللَّهُ يَسْهُدُ إِنَّهُمْ لَكَ لِزُونَ ﴿١٢﴾

لِئَنْ أُخْرِجُهُمْ أَلَا يَخْرُجُونَ مَعَهُمْ وَلَئِنْ قُتِلُوا
لَا يَنْصُرُونَهُمْ وَلَئِنْ نَصَرُوهُمْ لَيُؤْلَمُ
الْأَذْبَارُ إِنَّمَا لَا يُنْصَرُونَ ﴿١٣﴾

mereka (yang munafik) ini tidak akan menolong mereka, dan sesungguhnya jika ditakdirkan mereka menolong sekalipun, pasti mereka akan melarikan diri. Kemudian mereka tidak akan mendapat pertolongan.

13. (Kerana) sesungguhnya dalam hati mereka⁽¹⁾ kamu lebih ditakuti daripada Allah. Yang demikian itu, kerana mereka ialah kaum yang tidak memahami.
14. Mereka tidak berani memerangi kamu kecuali di kampung-kampung yang berbenteng kukuh, atau di sebalik tembok. (Ini disebabkan) permusuhan di antara mereka sesama sendiri sangat hebat. Engkau menyangka mereka bersatu, sedangkan hati mereka berpecah belah (disebabkan perbezaan kepercayaan mereka). Itu disebabkan mereka adalah kaum yang tidak berfikir.
15. Samalah seperti orang (daripada suku Yahudi)⁽²⁾ sebelum mereka, mereka telah merasai akibat yang buruk disebabkan perbuatan mereka dan mereka pula akan mendapat azab yang sangat pedih.
16. Samalah seperti (sikap) syaitan ketika ia berkata kepada manusia: «Kafirlah engkau!»

لَأَنَّهُمْ أَشَدُّ رَبْبَةً فِي صُدُورِهِمْ مِنْ
اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَفْقَهُونَ ١٣

لَا يَقْتَلُونَ كُمْ جِيعَالاً لِّفِرْيَ مُحْسَنَةٍ
أَوْ مِنْ وَرَاءَ جُذُرٍ بِأَسْهُمْ بَيْنَهُمْ شَدِيدٌ
تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُوَّتْهُمْ شَتَّىٰ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ
قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ١٤

كَمِثْلِ الظَّيْرَتِ مِنْ قَبْلِهِمْ قَرِبًا ذَاهِفًا
وَكَمِ اُمْرِيهِمْ وَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ١٥

كَمِشَلِ الشَّيْطَلِينَ إِذَا قَالَ لِلإِنْسَنِ أَكُنْ فُرْجًا
فَلَمَّا كَفَرَ قَالَ إِيَّاكَ بَرِئَ مِنْكَ إِنِّي أَحَادُ
اللَّهَ رَبِّ الْعَالَمِينَ ١٦

1 Yahudi Bani Nadir.

2 Yahudi Qainuqa'.

Setelah orang itu kafir, syaitan berkata: «Sesungguhnya aku berlepas diri daripadamu, kerana sesungguhnya aku takut kepada Allah, Tuhan semesta alam».

- 17.** Maka akibatnya mereka ditempatkan di dalam neraka, mereka kekal di dalamnya. Itulah balasan orang yang zalim.
- 18.** Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang dia telah sediakan untuk hari esok. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mendalam PengetahuanNya terhadap apa yang kamu lakukan.
- 19.** Dan janganlah kamu menjadi seperti orang yang lupa kepada Allah, sehingga Allah menjadikan mereka lupa akan diri sendiri. Mereka itulah orang yang fasiq.
- 20.** Tidaklah sama penghuni neraka dan penghuni syurga. Penghuni syurga itulah orang yang berjaya.
- 21.** Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, pasti engkau melihatnya tunduk serta pecah berkecaci kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), perumpamaan ini Kami kemukakan kepada manusia semoga mereka berfikir.
- 22.** Dialah Allah yang tiada Tuhan kecuali Dia. Yang Mengetahui

فَكَانَ عَيْنَتَهُمَا أَنَّهُمَا فِي الْتَّارِخِ لَدِلِيلٍ فِيهَا
وَذَلِكَ جَزَاءُ الظَّالِمِينَ ﴿١٧﴾

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُنْظِرُنَفْسَ
مَا قَدَّمَتْ إِلَّا لِعِدَّةٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ حَرِيرٌ
بِمَا عَمَلُونَ ﴿١٨﴾

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ سُوَّا اللَّهَ فَأَنْسَدُ
أَنفُسَهُمْ أُولَئِكَ هُمُ الظَّافِرُونَ ﴿١٩﴾

لَا يَسْتَوِي أَصْحَابُ الْتَّارِيخِ وَأَصْحَابُ
الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمُ الْفَائِرُونَ ﴿٢٠﴾
لَوْأَنَّا نَاهَدْنَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتُمْ
خَشْعًا مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْبَةِ اللَّهِ وَتَلَاقَ
الْأَمْثَلُ بَضْرِبِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ
يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ الْغَيْبُ

perkara yang ghaib dan yang nyata. Dialah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

23. Dialah Allah yang tiada Tuhan kecuali Dia. Yang Menguasai (semesta alam). Yang Maha Suci, Yang Maha Sejahtera, Yang Maha Melimpahkan Keamanan, Yang Maha Memelihara Keselamatan, Yang Maha Perkasa, Yang Maha Berkuasa, Yang Memiliki Segala Keagungan. Maha Suci Allah daripada apa yang mereka persekutuan.
24. Dialah Allah, Yang Menciptakan seluruh makhluk, Yang Mengadakan, Yang Membentuk rupa (makhlukNya mengikut kehendakNya), bagiNyalah nama-nama yang terbaik dan paling mulia. Segala yang ada di langit dan di bumi bertasbih kepadaNya. Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

وَالشَّهَدَةُ هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢٣﴾

هُوَ اللَّهُ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْمَلِكُ
الْفَقِيرُ لِجَبَائِرِ الْمُتَكَبِّرِينَ
الْعَزِيزُ لِجَبَائِرِ الْمُتَكَبِّرِ
سُبْحَانَ اللَّهِ
عَمَّا يُشَرِّكُونَ ﴿٢٤﴾

هُوَ اللَّهُ الْخَلِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ
الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يُسَبِّحُ لَهُ مَا فِي
السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٥﴾

